



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Tel : 03-2601 7263/ 2698 6852(DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

4 April 2023

KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN SEBAGAI PENGERUSI DAN NAIB PENGERUSI PAC PARLIMEN KE-15.

- 1) Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas usul melantik kami sebagai Pengerusi dan Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang negara (PAC) Parlimen ke 15 serta Ahli-ahli Dewan Rakyat memilih kami sebulat suara.
- 2) Kami percaya bahawa ketelusan dan akauntabiliti adalah penting untuk membina kepercayaan orang ramai dan memastikan kerajaan pada masa kini memenuhi keperluan rakyatnya. Kami berharap dapat bekerjasama dengan ahli-ahli PAC yang bakal dipilih dalam melaksanakan tanggungjawab dan mandat yang diberikan.
- 3) Sehubungan itu, kami menyeru supaya Jawatankuasa Pemilih yang dipengerusikan Yang di-Pertua Dewan Rakyat melantik segera Ahli-ahli PAC seramai 12 orang terdiri 8 daripada Kerajaan dan 4 daripada pembangkang agar tugas untuk memeriksa tatacara kewangan awam serta memastikan dana awam dibelanjakan secara berhemah dan efisien dapat dilaksanakan.
- 4) Selain itu, kami juga akan memohon kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat selaku Pengerusi Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat untuk meminda Peraturan Mesyuarat 85, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang tidak memberangkan mesyuarat prosiding PAC dilakukan secara terbuka.
- 5) Kami percaya bahawa prosiding PAC wajar dilakukan secara terbuka bagi memastikan semua prosiding PAC dijalankan secara telus, berakauntabiliti dan berkredibiliti seiring dengan agenda reformasi institusi yang menjadi fokus utama kerajaan pada masa kini.

- 6) Saya dan YB Wong bercadang untuk bertemu dengan semua *Ex-Officio* PAC iaitu Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Ekonomi, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Audit Negara, Jabatana Akauntan Negara dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia dengan kadar segera bagi membincangkan mengenai hala tuju dan hal-hal berkaitan PAC.
- 7) Saya dan YB Wong juga bersetuju supaya mengadakan lawatan kerja ke Limbungan Kapal Boustead Heavy Industries Corp (BHIC) di Lumut, Perak bagi mengetahui perkembangan terkini kapal peronda *Littoral Combatant Ship* (LCS) milik Tentera Laut Diraja Malaysia yang sepatutnya dilaporkan tempoh setiap tiga bulan kepada PAC sebagai tugas pertama PAC Parlimen ke 15.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati Binti Samsuddin
Pengerusi PAC Parlimen

YB Puan Wong Shu Qi
Naib Pengerusi PAC Parlimen